

Sains Di Dalam Al-Quran : Teori Pengembangan Alam

"Dan Kami bina langit dengan kekuasaan Kami dan Kami benar-benar meluaskannya" (Az-Zariyat : 47)

Huraian

Ketika wahyu diturunkan pada zaman Rasulullah saw, kajian-kajian saintifik berhubung dengan alam ini belum wujud lagi.

Pada hari ini, teknologi semakin canggih dan penemuan-penemuan baru berkaitan rahsia alam semakin terserlah.

Yang amat mengagumkan kita ialah penemuan-penemuan tersebut selari dengan pernyataan kitab suci Al-Quran yang diturunkan lebih 1400 tahun yang lampau.

Antaranya ialah ayat yang berkaitan dengan proses pengembangan alam.

Sehubungan dengan ayat ini, ulama terkenal Said Hawa menulis dalam kitabnya *Al-Asas Fii Tafsir* :

"Maksud ayat ini ialah Allah swt telah menjadikan langit dalam keadaan mengembang secara berterusan. Ia juga bermaksud langit diluaskan oleh Allah swt. Ayat ini adalah mukjizat berkenaan kejadian alam; membuktikan ilmu Al-Quran jauh ke hadapan, melampaui tempat dan zaman. Jika ada sesiapa menolak Al-Quran kerana menyangka dirinya

maju dengan sainsnya, eloklah jika dia menilai semula dirinya sebelum terlambat"

Pada tahun 1929M, seorang tokoh astronomi dari Amerika, Edwin Hubble melalui kajiannya dengan menggunakan alat yang canggih mendapati alam ini sebenarnya sedang mengembang.

Pada 9 Mei 1996, satu kenyataan akhbar dikeluarkan berhubung dengan teori pengembangan alam. Dua kumpulan pakar sains di peringkat antarabangsa mengesahkan kebenaran teori ini malah mereka berjaya mengukur kelajuan pengembangan alam ini sekaligus membenarkan kandungan kitab suci Al-Quran.

Kitab Al-Quran bukan seperti buku biasa yang dikarang oleh manusia. Segala yang ada di dalamnya merupakan kebenaran yang mesti diimani oleh manusia. Manusia yang tidak beriman dengannya akan kekal di dalam neraka buat selama-lamanya.

Wallahu a'lam.